

Pas perjuang negara Islam bukan dibimbangi DAP
Utusan Online
17 Ogos, 2012

KUALA TERENGGANU 16 Ogos - Pas memberi jaminan kepada DAP bahawa parti itu akan terus memperjuangkan kempen penubuhan negara kebajikan yang dibayangi Islam pada Pilihan Raya Umum Ke-13 dan bukannya negara Islam yang dibimbangi DAP.

Namun, Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Abu Bakar Chik menegaskan, kempen untuk menegakkan negara berkeadilan yang dibayangi Islam itu adalah hak Pas dan DAP tidak sepatutnya campur tangan dalam perkara itu.

Malah, jelas beliau, Pengerusi DAP, Karpal Singh tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan menentang negara Islam kerana perjuangan Pas adalah menubuhkan negara berkeadilan berasaskan Islam, bukannya negara Islam.

Beliau sebaliknya menempelak UMNO kerana kenyataan daripada pemimpin DAP itu kelihatan senada dengan perjuangan parti pemerintah itu yang didakwa menolak penubuhan negara Islam.

"Kempen untuk tegakkan Islam adalah hak Pas, sebab kita mahu memperjuangkan penubuhan negara berkeadilan yang dibayangi oleh Islam," katanya kepada para pemberita di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyah Darul Iman, dekat sini hari ini.

Beliau mengulas laporan tentang penolakan pemimpin utama DAP itu terhadap penubuhan kerajaan Islam yang diperjuangkan oleh Pas sebagai syarat untuk memulihkan hubungan dalam pakatan pembangkang.

Abu Bakar menegaskan, pihaknya akan memberi perhatian terhadap kenyataan yang dicituskan oleh pemimpin DAP terlibat.

"Sepatutnya tak timbul kenyataan seperti ini kerana kita sudah menerima konsep negara kebajikan," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120817/po_02/Pas-perjuang-negara--Islam-bukan-dibimbangi-DAP